



Warga UMP disaran tingkatkan amalan memaknakan slogan

“Engineering, Technology and Creativity”



Semua warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) disaran agar menampilkan usaha meningkatkan amalan-amalan yang memaknakan tiga slogan UMP iaitu, *Engineering*, *Technology* dan *Creativity* dalam urusan masing-masing.

Demikian saranan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang disampaikan pada Perutusan Tahunan beliau yang berlangsung di Kompleks Sukan, UMP pada 2 Februari 2009 yang lalu.

Beliau turut mengumumkan sembilan amalan-amalan yang boleh diterapkan bagi memaknakan slogan ini iaitu:

- i. UMP memperkasakan bidang *engineering* sebagai *core business*nya;
- ii. Penyelidikan bagi setiap bidang *engineering* dipergiatkan;
- iii. Memperkasa penggunaan teknologi;
- iv. Warga UMP mengamalkan *soft technology* iaitu 5S;
- v. Menggunakan teknologi untuk meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan;
- vi. Memupuk warga kampus; staf dan pelajar yang kreatif;
- vii. Memperkasakan kepimpinan pelajar supaya potensi para pemimpin muda ini dapat diasah, digilap dan diperkasakan;
- viii. Menggalakkan tenaga pengajar dan penyelidik supaya lebih kreatif; dan
- ix. Latihan untuk peningkatan kompetensi dan kreativiti staf akademik, pengurusan dan profesional dan sokongan diperluaskan.

Katanya, walaupun pelbagai pihak berusaha meningkatkan keupayaan institusi pengajian tinggi untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa depan, faktor berkaitan tiga slogan ini dan usaha-usaha untuk diamalkan dan dihayati dapat menterjemahkan aspirasi kita untuk menjadi sebuah institusi berfokus.

“Sebagai sebuah universiti berfokus kepada bidang teknikal, khususnya kejuruteraan, kita perlu menghayati dan memaknakan misi dan tanggungjawab kita dan sebab itu jugalah perkataan *engineering* digunakan pada logo UMP.

“Sewajarnya UMP harus bersedia untuk merekayasa dirinya atau *reinvent* selari dengan visi dan misi yang telah dipersetujui,” katanya ketika berucap pada majlis tahunan berkenaan.

Tambah beliau, penerimaan teknologi di UMP seharusnya di tahap yang tinggi dan penggunaan yang bijak.

“Warga UMP juga digesa untuk memupuk budaya kreatif yang mampu menjana pemikiran untuk mencipta barang atau perkhidmatan baharu atau melaksanakan idea baharu yang masih belum dicuba oleh orang lain,” jelasnya lanjut.

Menyentuh signifikan memperkenalkan langkah tersebut, beliau turut berkata, UMP seharusnya dapat menarik minat ahli akademik untuk sama-sama meningkatkan kualiti penyelidikan di institusi pengajian ini.

“Dengan wujudnya amalan-amalan yang menyokong tiga slogan ini, warga UMP diharap dapat membawa satu perubahan untuk meningkatkan teknologi dan kreativiti supaya dapat bersaing dengan universiti-universiti terkemuka dari banyak aspek.

“Kaedah *reengineering* yang kita lakukan perlulah mengikut acuan dan kaedah kita sendiri dengan penuh kreativiti,” katanya di hadapan kira-kira 4,000 orang pelajar dan staf UMP yang hadir untuk mendengar amanat beliau.